

Rujukan : USM. 25/3/i/g Jld.XVI

Tarikh : 1 Mac 2018

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

Kepada Semua Staf
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan/Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

PEPERIKSAAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) 2018 akan diadakan pada bulan April 2018. Senarai kertas peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan seperti berikut:

- a) Pegawai Kewangan W41
- b) Penolong Pegawai Sains C29
- c) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29
- d) Penolong Pegawai Keselamatan KP29
- e) Penolong Pegawai Penerbitan N29
- f) Penolong Pegawai Tadbir N29
- g) Penolong Pegawai Belia dan Sukan S29
- h) Penolong Pustakawan S29
- i) Penolong Akauntan W29
- j) Pembantu Keselamatan KP19
- k) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19

2. Staf Yang Layak Mengambil Peperiksaan

Staf yang layak mengambil peperiksaan ialah staf yang telah sah dalam jawatan yang disandang:-

- (a) **Pegawai Kewangan W41**
Untuk staf dalam jawatan Penolong Akauntan gred W29/32/36
- (b) **Penolong Pegawai Sains C29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Makmal C19/C22/C26
- (c) **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29**
Untuk staf dalam jawatan Juruteknik Komputer gred FT19/22/26
- (d) **Penolong Pegawai Keselamatan KP29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Keselamatan gred KP19/22/26
- (e) **Penolong Pegawai Penerbitan N29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Penerbitan gred N19/22/26
- (f) **Penolong Pegawai Tadbir N29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) gred N19/22/26, Pembantu Setiausaha Pejabat gred N19/22/26 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) gred W19/22/26
- (g) **Penolong Pegawai Belia dan Sukan S29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Belia dan Sukan gred S19/22/26

- (h) **Penolong Puskatawan S29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Pustakawan gred S19/22/26 dan Pembantu Pemuliharaan S19,S22,S26.
- (i) **Penolong Akauntan W29**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Akauntan gred W19/22/26 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) gred W19/22/26
- (j) **Pembantu Keselamatan KP19**
Untuk staf dalam jawatan Pengawal Keselamatan gred KP11/14
- (k) **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19**
Untuk staf dalam jawatan Pembantu Operasi N11,N14 dan Pemandu Kenderaan H11,H14.

3. **Had Umur Permohonan (selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 11/2013):**

- i. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau
- ii. Berumur dari 56 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. **Jadual Peperiksaan**

Peperiksaan akan diadakan pada bulan **April 2018**. Tarikh sebenar serta tajuk kertas peperiksaan akan ditentukan selepas permohonan diproses. Jadual waktu peperiksaan akan diberikan kepada setiap calon sebelum peperiksaan diadakan. Sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon-calon yang terlibat. Setiap calon yang akan mengambil peperiksaan perlu mematuhi peraturan/arahan yang akan dilampirkan bersama jadual peperiksaan tersebut.

5 **Borang Permohonan**

Staf yang ingin mengambil peperiksaan perlu menggunakan Borang Permohonan Peperiksaan USM.25/3/i Borang 1 yang boleh diperolehi dari laman web Bahagian Sumber Manusia di <http://bsm.usm.my>. **Sila gunakan borang permohonan yang berasingan bagi setiap kertas peperiksaan yang dipohon.**

Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan dua (2) salinan borang tersebut seperti berikut:-

- (a) Salinan pertama hendaklah dikemukakan terus kepada:-

Unit Perhubungan Staf
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar


- (b) Salinan kedua adalah untuk makluman / simpanan Dekan/ Pengarah / Penyelaras / Ketua Jabatan calon berkenaan.
- (c) Bagi staf di Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan, semua borang permohonan hendaklah disalurkan kepada Jabatan Pendaftar, kampus cawangan masing-masing.

6. **Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 Mac 2018**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



(MOHD SAAD HJ DIN)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Timbalan Pendaftar
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Semua Pegawai Tadbir
Di Pusat Tanggungjawab

Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan sesalinan Borang Permohonan staf yang lengkap diisi kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.